EDISI 2026

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

O.H. MY BULLETIN

BULETIN KESIHATAN PEKERJAAN

Saluran Informasi Kesihatan Pekerjaan Terunggul

IMPAK PERUBAHAN IKLIM TERHADAP KESIHATAN & KESELAMATAN PEKERJA

Memperkasakan advokasi ke arah tempat kerja lestari.

TEGASAN HABA DI TEMPAT KERJA:
Panduan Mengatasi Stres Haba di Luar & Dalam Bangunan



KESIHATAN PERNAFASAN:
Kualiti Udara & Penyakit Pekerjaan Akibat Jerebu & Pencemaran



KESIAPSIAGAAN BENCANA:
Protokol Keselamatan Menghadapi Banjir & Ribut Melampau




OSHMP 50

MALAYSIA MADANI

PRAKATA

Majalah O.H. MY BULLETIN merupakan hasil terbitan Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), yang diterbitkan setiap tahun bermula dengan edisi pertamanya pada tahun 2023. Majalah ini bertujuan untuk memberi maklumat terkini kepada pekerja, majikan dan orang ramai mengenai isu-isu kesihatan pekerjaan serta aktiviti yang dijalankan oleh Bahagian Kesihatan Pekerjaan sepanjang tahun. Edisi tahun ini memberi fokus khusus kepada isu-isu berkaitan impak perubahan iklim terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja, yang merupakan salah satu cabaran utama dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.







O.H. MY BULLETIN

Majalah Keluaran Tahunan : Cetakan Tahun 2026

Diterbitkan Oleh :

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)
Aras 5, Setia Perkasa 4,
Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya

No. Tel : 03-8886 5343 / 03-8886 5342
Fax : 03-8889 2443
Email : projkkp@mohr.gov.my

Hak Cipta Terpelihara :

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem mendapatkan semula, atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara (sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman, atau sebagainya) tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak JKKP terlebih dahulu.

ISSN 3030-6647

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati daripada Perpustakaan Negara Malaysia

O.H MY BULLETIN EDISI 2026
ISSN : 3030-6647

ISI KANDUNGAN

04 SEKILAS PANDANG DAN PENGENALAN

05 KATA PENA KETUA PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

06 KATA PENA PENGARAH BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

07 KATA PENA KETUA EDITOR O.H. MY BULLETIN

08 TERAS STRATEGIK 2
PENERAJU KESIHATAN DAN KESEJAHTERAN PEKERJA

10 GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA 2026

11 PERUBAHAN IKLIM
DALAM ASPEK KESIHATAN PEKERJAAN

12 NAFAS SELAMAT
MELINDUNGI PEKERJA SEMASA KRISIS JEREBU

13 SIFAR DENGGI DI TAPAK BINA
STRATEGI PROAKTIF PASCA - PERUBAHAN IKLIM

15 WAWANCARA
BERSAMA KETUA PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

20 DARI FAIL MAHKAMAH
JKKP PAHANG DAN JKKP KELANTAN

21 DARI FAIL MAHKAMAH
JKKP WPKL DAN JKKP PERAK

23 LAPORAN AKTIVITI KHAS
BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

40 CARTA ORGANISASI
KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA



42 LAPORAN AKTIVITI KHAS
BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

60 LAPORAN MYHESS DAN TEKAD
BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

65 PROGRAM PTP
KESIHATAN PEKERJAAN

69 LAPORAN
PROGRAM 1 TERAS STRATEGIK 4 OSHMP25

73 STATISTIK
PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2025

79 GALERI
O.H. BULLETIN 2026



SEKILAS PANDANG DAN PENGENALAN

BAHAGIAN DAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN
DI JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Bidang kesihatan pekerjaan adalah cabang kesihatan awam yang fokus pada pencegahan risiko kesihatan yang menyebabkan penyakit pekerjaan. Ia melibatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja serta intervensi kesihatan pekerja pada tahap pencegahan awal,pertengahan, dan lanjut. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO), objektif utama kesihatan pekerjaan adalah:

Mengekalkan dan mempromosikan kesihatan pekerja serta keupayaan mereka untuk bekerja;

Memperbaiki persekitaran kerja supaya selamat dan sihat untuk pekerja;

Mewujudkan budaya kerja yang mematuhi piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Bahagian Kesihatan Pekerjaan Ibu Pejabat terbahagi kepada dua seksyen:

- Seksyen Perubatan Pekerjaan
- Seksyen Pengiktirafan

Fungsi utama Bahagian Kesihatan Pekerjaan JKKP adalah:

- Memperkenalkan dan memperkukuh penguatkuasaan kesihatan pekerjaan.
- Membangunkan standard kesihatan pekerjaan.
- Melakukan promosi dan jalinan kerjasama

Manakala **Fungsi Utama** Seksyen Kesihatan Pekerjaan (SKP) di negeri-negeri adalah penguatkuasaan dan promosi kesihatan pekerjaan di tempat kerja. SKP terlibat dalam penguatkuasaan lapangan dan menjadi rujukan industri dalam aspek kesihatan pekerjaan.

Antara tugas-tugas pegawai SKP di setiap negeri:

- Menyiasat kes penyakit dan keracunan pekerjaan yang dilaporkan.
- Menyiasat aduan berkaitan penyakit dan keracunan pekerjaan.
- Memantau program pengawasan perubatan berkaitan bunyi bising dan bahan kimia berbahaya.
- Menjalankan pemantauan biologikal ke atas pekerja yang terdedah kepada bahan kimia bahaya.
- Memantau pusat ujian audiometrik.



Ir. Ts. Hajah Hazlina Binti Yon

KATA PENA KETUA PENGARAH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita masih diberikan keupayaan untuk terus menyumbang bakti kepada pembangunan dan kesejahteraan tenaga kerja di negara ini.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada sidang redaksi atas kejayaan menerbitkan naskhah O.H My Bulletin Edisi 2026 ini. Naskhah ini bukan sahaja menjadi wadah perkongsian ilmu dan informasi yang berharga, malah bertindak sebagai medium yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya amalan budaya kerja yang selamat dan sihat.

Dalam keghairahan kita memacu kerancakan ekonomi dan pembangunan industri negara, aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) wajib dijadikan sebagai tunjang utama yang tidak boleh ditolak ansur. Realitinya, apabila kita berbicara mengenai KKP, elemen 'keselamatan' sering kali diberi perhatian yang lebih mendominasi. Namun, kita harus sedar bahawa elemen 'kesihatan pekerjaan' memegang peranan yang sama kritikal dalam menjamin kelestarian dan produktiviti modal insan kita.

Isu-isu seperti kesihatan mental di tempat kerja, ergonomik, pendedahan bahan kimia berbahaya, kualiti udara dalaman, serta kemunculan penyakit-penyakit pekerjaan baharu akibat peralihan landskap global menuntut pendekatan dan intervensi yang lebih proaktif. Memastikan pekerja bebas daripada kecederaan fizikal adalah penting, namun memastikan mereka kekal sihat secara menyeluruh di sepanjang hayat pekerjaan mereka adalah satu kewajipan moral dan perundangan.

Saya menaruh harapan yang tinggi agar penerbitan buletin ini akan terus menjadi sumber rujukan yang mencetuskan inspirasi serta idea-idea inovatif ke arah penambahbaikan berterusan di tempat kerja. Semoga segala usaha murni yang kita laksanakan ini diberkati dan menyumbang kepada pembentukan tenaga kerja Malaysia yang lebih sihat, selamat, dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.

DR. AHMAD FITRI BIN ABDULLAH HAIR

KATA PENA PENGARAH BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA



Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita terus diberikan ruang dan kesempatan untuk memperteguh komitmen dalam memartabatkan agenda Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di negara ini.

Penerbitan O.H My Bulletin edisi kali ini mengangkat wacana yang mendesak serta kritikal, iaitu impak perubahan iklim terhadap tahap kesihatan pekerja. Fenomena global seperti peningkatan suhu bumi, insiden jerebu rentas sempadan, dan ketidaktentuan corak cuaca kini membawa implikasi langsung terhadap persekitaran pekerjaan. Senario ini memberi kesan yang amat ketara, terutamanya kepada kelompok pekerja yang terdedah secara fizikal di lapangan.

Ancaman tekanan haba (heat stress) di tempat kerja merupakan suatu realiti yang menuntut pendekatan mitigasi yang sistematik. Pendedahan berterusan terhadap suhu ekstrem bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal—seperti memicu risiko strok haba dan dehidrasi—malah turut merosotkan keupayaan kognitif yang secara langsung menyumbang kepada peningkatan risiko kemalangan pekerjaan. Oleh hal yang demikian, pematuhan ketat terhadap garis panduan pengurusan tekanan haba berserta pelaksanaan kawalan risiko yang komprehensif adalah mandatori demi menjamin keselamatan pekerja.

Dalam pada itu, krisis jerebu yang saban waktu melanda turut mengundang risiko kesihatan yang membimbangkan berikutan pendedahan berulang kepada pencemaran zarah halus. Mendepani situasi ini, pihak majikan memikul tanggungjawab yang besar dalam menterjemahkan langkah perlindungan yang holistik. Ini merangkumi pembekalan kelengkapan perlindungan pernafasan yang menepati piawaian serta pengurusan kualiti udara yang optimum di tempat kerja.

Tahun 2026 juga melakar lembaran baharu dengan bermulanya fasa pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30). Menerusi Teras Strategik 2, pelan ini memberikan penekanan yang jitu terhadap usaha memperkasakan tahap kesihatan dan kesejahteraan pekerja secara menyeluruh. Inisiatif strategik ini merangkumi perluasan akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan, pembudayaan penjagaan kesihatan berteraskan pencegahan, dan peningkatan kesiapsiagaan dalam menangani risiko-risiko baharu (emerging risks) yang dipacu oleh dinamik global.

Akhir kalam, saya menyeru kepada semua pihak—merangkumi majikan, para pekerja, pengamal KKP, serta seluruh pemegang taruh industri—agar senantiasa sederap melangkah dalam membudayakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Biarpun cabaran perubahan iklim merupakan hakikat yang sukar dihindari, rantaian impaknya terhadap kelestarian KKP berupaya kita tangani melalui perancangan strategik yang ampuh, pematuhan perundangan yang telus, dan komitmen yang tidak berbelah bahagi.

Semoga sinergi dan usaha sama ini akan terus memacu kelestarian modal insan tenaga kerja dan menyumbang ke arah kemakmuran negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Shamirul Bin Ahmad



KATA PENA KETUA EDITOR O.H MY BULLETIN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT atas ruang dan peluang memperkukuh komitmen KKP di negara ini.

Perubahan iklim bukan lagi sekadar isu persekitaran, malah kini menjadi cabaran nyata yang menuntut perhatian serius di setiap tempat kerja. Penerbitan OH Bulletin 2026 kali ini memberi fokus utama kepada ancaman krisis iklim demi memelihara keselamatan dan kesihatan para pekerja.

impak perubahan iklim terhadap kesihatan pekerja luar (outdoor workers). Kumpulan ini merupakan golongan paling rentan kerana terdedah secara berterusan kepada persekitaran kerja yang makin ekstrem.

Dari sudut kesihatan pekerjaan, tekanan haba bukan sekadar rasa tidak selesa. Penyerapan haba berlebihan boleh memicu bahaya fizikal serius seperti kelesuan haba (heat exhaustion) hingga strok haba yang berpotensi maut. Lebih membimbangkan, pendedahan haba melampau mengurangkan fungsi kognitif dan daya tumpuan, sekali gus meningkatkan kadar kesilapan dan risiko kemalangan di tempat kerja.

Selain itu, ancaman jerebu berulang membawa bahaya kualiti udara buruk yang merosakkan sistem pernafasan, mencetuskan asma, serta komplikasi paru-paru jangka panjang. Manakala perubahan pola cuaca yang tidak menentu mempercepatkan pembiakan nyamuk Aedes, mendedahkan pekerja tapak pembinaan dan luar bangunan kepada ancaman demam denggi.

Majikan dan pengamal KKP wajib bertindak proaktif menerusi kawalan risiko berkesan—termasuk penyediaan ruang rehat berteduh, penjadualan kerja hidrasi, peralatan perlindungan pernafasan, serta kawalan pembiakan vektor. Kesihatan pekerja luar adalah nadi produktiviti yang mesti dilindungi secara bersistem.

Selamat membaca!

TERAS STRATEGIK 2
(PENERAJU KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA)
DALAM PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2026-2030 (OSHMP30)



Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30) menggariskan hala tuju strategik Malaysia dalam membina persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat, berdaya tahan dan inklusif. Berteraskan tema 'Membina Persekitaran KKP yang Berdaya Tahan dan Inklusif untuk Tenaga Kerja Masa Hadapan', pelan ini menetapkan sasaran yang jelas menjelang tahun 2030, iaitu mengurangkan kadar kecederaan maut pekerjaan kepada 2.25 bagi setiap 100,000 pekerja, mengurangkan kadar kecederaan pekerjaan kepada 2.20 bagi setiap 1,000 pekerja, serta kadar penyakit pekerjaan negara di bawah paras 59.8 kes bagi setiap 100,000 pekerja menjelang tahun 2030. melalui pelaksanaan intervensi dan penilaian kesihatan pekerjaan yang berkesan. Sasaran ini mencerminkan komitmen negara dalam memperkukuh budaya pencegahan, melindungi kesejahteraan tenaga kerja, dan memacu pembangunan negara yang mampan.

Teras Strategik 2 di bawah OSHMP30 dikhususkan sepenuhnya untuk memartabatkan Malaysia sebagai "Peneraju Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja". Teras ini memberikan fokus yang jitu kepada usaha meningkatkan keberkesanan serta memperluaskan jangkauan perkhidmatan kesihatan pekerjaan kepada semua lapisan pekerja di Malaysia.

Walaupun negara telah mencapai pelbagai kemajuan ekonomi, wujud ketidakselarasan yang ketara dalam kebolehcapaian terhadap perkhidmatan kesihatan pekerjaan. Jurang ini sangat kritikal terutamanya bagi tenaga kerja yang berada di kawasan luar bandar serta kawasan-kawasan yang sering kurang mendapat perhatian. Oleh yang demikian, strategi dalam teras ini dibangunkan untuk menyediakan intervensi yang disesuaikan (tailored interventions), di mana penekanan yang mendalam diberikan kepada aspek penjagaan pencegahan dan sokongan psikososial.

Objektif utama Teras Strategik 2 adalah:

- Meluaskan ketersediaan perkhidmatan kesihatan pekerjaan yang komprehensif di seluruh negara.
- Memberikan penekanan terhadap pengurusan kesihatan mental di tempat kerja.
- Menyediakan intervensi khusus untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin berusia.
- Mempertingkat penjagaan pencegahan untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja secara menyeluruh dan mengurangkan kadar penyakit pekerjaan.





TERAS STRATEGIK 2
(PENERAJU KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN PEKERJA)
DALAM PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA 2026-2030 (OSHMP30)

Bagi mencapai aspirasi tersebut, empat program strategik telah dirangka:

1 Memperkukuh Peranan dan Kebolehcapaian Profesional Kesihatan Pekerjaan:

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dan ketersediaan pakar serta pengamal kesihatan pekerjaan di pasaran. Dengan memperkasakan peranan profesional, organisasi dapat memastikan setiap intervensi kesihatan dilaksanakan berdasarkan bukti saintifik dan piawaian perubatan yang tepat.

2 Menambahbaik Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan:

Fokus utama program ini adalah untuk merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan dengan tenaga kerja, terutamanya bagi sektor yang berisiko tinggi. Inisiatif ini memastikan kemudahan runding cara, saringan, dan sokongan kesihatan dapat dicapai oleh semua pekerja tanpa diskriminasi, selaras dengan prinsip kesaksamaan di tempat kerja.

3 Mengaplikasikan Kaedah 'Prevention through Design (PtD)':

Program ini membawa anjakan paradigma dengan mengintegrasikan elemen kesihatan pekerjaan seawal fasa reka bentuk proses atau peralatan. Melalui kaedah Prevention through Design (PtD), risiko kesihatan dapat dihapuskan atau dikurangkan secara punca (at source), sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada langkah kawalan pentadbiran yang bersifat reaktif.

4 Menangani Risiko Baharu Muncul dalam Kesihatan Pekerjaan:

Seiring dengan evolusi teknologi dan perubahan persekitaran kerja, program ini memfokuskan kepada kesiapsiagaan menghadapi ancaman kesihatan yang belum pernah wujud sebelum ini. Ini termasuk pemantauan berterusan terhadap agen biologi, kimia, atau tekanan psikososial baharu yang boleh menjejaskan kesejahteraan jangka panjang tenaga buruh.




GARIS PANDUAN

PENCEGAHAN DAN PENGURUSAN HIV/AIDS DI TEMPAT KERJA 2026

Sejak kes HIV pertama dilaporkan di Malaysia pada tahun 1986, landskap jangkitan telah menunjukkan perubahan ketara. Sehingga Disember 2024, sebanyak 53,996 Orang Yang Hidup Dengan HIV (PLHIV) direkodkan dan sedar akan status mereka. Kadar jangkitan baharu telah menurun daripada 28.5 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2002 kepada 9.4 per 100,000 pada tahun 2024. Majoriti kes melibatkan lelaki (90%) dan kebanyakannya berada dalam julat umur 20 hingga 39 tahun (75%). Cara penularan utama kini beralih daripada perkongsian jarum suntikan kepada hubungan seksual (96% daripada kes baharu pada 2024). Selain itu, 73% daripada mereka yang dijangkiti adalah golongan bekerja, dengan 60% daripadanya mempunyai majikan.

Objektif utama garis panduan ini adalah untuk memberikan pendekatan yang berkesan kepada majikan dan pekerja dalam mencegah serta mengurus HIV/AIDS di tempat kerja. Ia dicapai melalui penubuhan dasar, Prosedur Kendalian Piawai (SOP), dan program pencegahan; peningkatan pendidikan dan kesedaran mengenai HIV/AIDS; serta pembentukan amalan pekerjaan dan persekitaran kerja yang adil, tidak menghukum, dan bebas daripada diskriminasi.

Garis panduan ini digubal untuk memenuhi keperluan menjamin keselamatan, kesihatan, dan kebajikan orang yang sedang bekerja. Ia terpakai untuk semua sektor dan tempat kerja sebagaimana yang tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514).



7 PRINSIP UTAMA

Prinsip 1: Pembangunan Dasar, Prosedur Kendalian Piawai (SOP) dan Program HIV/AIDS di Tempat Kerja

Setiap organisasi perlu menyediakan dasar dan SOP HIV/AIDS yang menyeluruh melalui perbincangan bersama pihak berkepentingan seperti kesatuan sekerja, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan (JKK), serta pegawai perubatan. Dasar ini hendaklah diterangkan secara jelas kepada semua pekerja, dipantau pelaksanaannya, serta dinilai dan disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 5 tahun mengikut perkembangan bukti sains terkini. Di samping itu, program tempat kerja perlu merangkumi langkah kawalan pencegahan, latihan kesedaran, bantuan kecemasan, serta perkhidmatan kaunseling dan sokongan sosial dengan penglibatan aktif pekerja.

Prinsip 2: Program Pendidikan, Latihan dan Kesedaran

Majikan perlu melaksanakan program latihan dan pendidikan secara berkala untuk memperkasa pekerja dengan maklumat tepat berkenaan penularan HIV, menepis mitos, serta membasmi stigma terhadap Pekerja Yang Hidup Dengan HIV (ELHIV). Program ini wajar diterapkan dalam sesi orientasi pekerja baru dan latihan berterusan dengan memberi penekanan kepada aktiviti kerja yang berisiko. Pekerja pula bertanggungjawab untuk mengambil inisiatif memahami dasar syarikat, amalan kerja selamat, kawalan kerahsiaan, serta saluran perkhidmatan sokongan yang ada.

Prinsip 3: Persekitaran Kerja dan Amalan Pekerjaan Tanpa Prasangka serta Diskriminasi

Pengurusan dan amalan pekerjaan mesti berlandaskan bukti saintifik bahawa HIV tidak boleh dijangkiti melalui hubungan harian biasa di tempat kerja. Status HIV seseorang tidak boleh dijadikan kriteria tunggal untuk menafikan peluang pekerjaan, dan penilaian kelayakan bekerja (fitness-to-work) perlu dikendalikan oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD). ELHIV berhak untuk terus berkhidmat selagi mereka medically fit dan tidak mendatangkan risiko kepada orang lain. Sebarang tindakan diskriminasi atau salah laku terhadap pekerja berstatus HIV perlu dikenakan tindakan disiplin tegas.

Prinsip 4: Aspek Keselamatan dan Kesihatan

Majikan wajib menyediakan persekitaran kerja yang selamat bermula dengan penilaian risiko, penyediaan Alat Pelindung Diri (PPE) yang mencukupi, serta latihan Prosedur Kawalan Jangkitan Sejagat (universal infection control procedures). Sekiranya berlaku kemalangan pekerjaan yang berisiko pendedahan darah, prosedur pengurusan pendedahan pekerjaan dan ujian saringan HIV perlu dijalankan secara sukarela menerusi Kaunseling dan Ujian Sukarela (Voluntary Counselling and Testing - VCT) dengan kerahsiaan yang terpelihara. Pekerja dikehendaki melaporkan sebarang insiden dengan segera dan menggunakan PPE yang disediakan.

Prinsip 5: Kerahsiaan dan Privasi

Pekerja tidak diwajibkan mendedahkan status HIV mereka kepada mana-mana pihak di tempat kerja. Sekiranya pekerja mendedahkan status secara sukarela, maklumat perubatan tersebut hendaklah diklasifikasikan sebagai sulit di bawah Akta Perubatan 1971 dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA). Maklumat ini hanya boleh diakses oleh rekod perubatan khas dan dikongsi kepada appointed person (orang yang dilantik) dengan kebenaran bertulis daripada pekerja berkenaan sahaja. Perbuatan menyebarkan status HIV rakan sekerja tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

Prinsip 6: Langkah Pencegahan dan Kawalan

Majikan perlu melaksana program pencegahan berteraskan hirarki kawalan risiko (hierarchy of controls) bagi aktiviti yang berisiko tinggi terhadap penularan HIV. Ini merangkumi pengukuhan amalan kerja selamat, penyediaan PPE, latihan khusus, serta penilaian semula keberkesanan program sekurang-kurangnya sekali dalam 5 tahun atau apabila berlaku insiden. Pekerja pula wajib mematuhi kawalan pencegahan yang ditetapkan dan mengamalkan langkah keselamatan diri semasa berkhidmat.

Prinsip 7: Kesaksamaan Jantina

Semua pekerja tanpa mengira jantina berhak mendapat layanan yang adil dan saksama di tempat kerja. Pekerja yang hidup dengan HIV (ELHIV) perlu diberi sokongan serta peluang untuk memainkan peranan aktif dan memegang jawatan kepimpinan. Pihak pengurusan juga perlu memastikan penglibatan inklusif daripada pelbagai jantina dalam proses pembuatan keputusan dan aktiviti organisasi.

PERUBAHAN IKLIM
DALAM ASPEK KESIHATAN PEKERJAAN

Ancaman Tersembunyi Pemanasan Global: Mengurus Tegasan Haba di Tempat Kerja

Perubahan iklim telah menyebabkan peningkatan purata suhu global, menjadikan gelombang haba satu fenomena biasa di Malaysia. Pekerja di sektor pembinaan, pertanian, dan pembuatan terdedah kepada risiko strok haba, kelesuan haba, dan kekejangan haba. Merujuk kepada Guidelines on Heat Stress Management at Workplace 2016 oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, majikan wajib menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat daripada bahaya haba.


Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) berserta pindaan terkininya, adalah menjadi kewajipan am setiap majikan untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan, dan kebajikan semua pekerjanya semasa bekerja. Kegagalan mematuhi peruntukan ini, termasuklah perbuatan mengabaikan risiko pendedahan kepada cuaca panas melampau, boleh menyebabkan majikan berdepan dengan tindakan perundangan dan penalti yang berat. Pendedahan berterusan kepada persekitaran kerja bersuhu tinggi bukan sahaja memberi efek langsung kepada fisiologi tubuh seperti dehidrasi, ruam haba, dan kelesuan, malah kesan jangka panjangnya boleh menjejaskan fungsi kognitif pekerja. Penurunan tahap tumpuan dan keletihan melampau ini secara tidak langsung akan meningkatkan peratusan berlakunya ralat manusia, sekali gus meninggikan risiko insiden kemalangan maut atau kecederaan di tempat kerja.

Berdasarkan kenyataan rasmi **Kementerian Kesihatan Malaysia** (KKM) yang turut dilaporkan oleh Astro AWANI pada penghujung Mac 2026, krisis cuaca panas berpanjangan kini diiktiraf sebagai satu ancaman kesihatan awam dan pekerjaan yang kritikal. Laporan tersebut mendedahkan bahawa pendedahan berterusan kepada cuaca terik boleh memicu spektrum penyakit berkaitan haba yang bermula daripada tahap ringan sehinggalah tahap komplikasi maut. Pemantauan berterusan KKM dari awal tahun sehingga 24 Mac 2026 sahaja telah merekodkan sebanyak 15 kes berkaitan cuaca panas di seluruh negara, merangkumi kelesuan haba, kekejangan haba, dan insiden strok haba yang serius. Lebih membimbangkan, KKM secara khusus mengklasifikasikan kumpulan pekerja lapangan yang terdedah kepada persekitaran panas dalam tempoh yang lama sebagai salah satu golongan paling berisiko tinggi.

Bagi menangani isu ini secara sistematik, Guidelines on Heat Stress Management at Workplace 2016 telah menggariskan keperluan pelaksanaan penilaian risiko haba secara komprehensif oleh majikan menggunakan instrumen seperti Wet Bulb Globe Temperature (WBGT)(masukkan gambar) untuk memantau beban iklim di kawasan operasi. Melalui hasil penilaian ini, majikan diarahkan untuk melaksanakan hierarki kawalan risiko yang bersesuaian, bermula dengan pengenalan kawalan kejuruteraan seperti penyediaan kanopi berteduh, pemasangan kipas ekzos, atau pengadang pancaran haba. Perkara ini harus disokong dengan kawalan pentadbiran yang ketat, terutamanya rombakan penjadualan waktu kerja yang mengelakkan kerja berat dilakukan pada waktu kemuncak panas. Pelaksanaan jadual kitaran kerja dan rehat yang dipantau rapi adalah amat kritikal, di mana pekerja perlu diwajibkan untuk berehat di stesen penyejukan secara berkala bagi membolehkan suhu teras badan menurun ke paras normal.

Isi Kandungan Utama Guidelines on Heat Stress Management at Workplace 2016.

- Penilaian Risiko Haba: Majikan perlu menggunakan instrumen seperti Indeks Suhu Bebola Basah (WBGT) untuk mengukur beban haba alam sekitar.
- Pelan Aklimatisasi: Pekerja baharu atau yang baru pulang dari cuti panjang perlu melalui tempoh penyesuaian (aklimatisasi) secara berperingkat sekurang-kurangnya 7 hingga 14 hari sebelum bekerja pada kapasiti penuh di kawasan panas.
- Kawalan Kejuruteraan & Pentadbiran:
  - Menyediakan kawasan rehat yang teduh dan mempunyai pengudaraan baik.
  - Melaksanakan jadual Kerja-Rehat yang fleksibel berdasarkan bacaan WBGT.
  - Penggiliran kerja untuk mengurangkan tempoh pendedahan individu.
- Penghidratan Berterusan: Air minuman yang sejuk dan bersih mesti disediakan berhampiran tempat kerja. Pekerja disarankan minum sekurang-kurangnya 1 cawan (250ml) air setiap 15-20 minit, walaupun tidak berasa dahaga.



PESANAN UTAMA

- **KENAL PASTI** bahaya dan risiko tekanan haba di tempat kerja.
- **PANTAU** tahap pendedahan haba menggunakan kaedah WBGT.
- **AMALKAN** jadual kerja-rehat dan proses aklimatisasi yang sesuai.
- **SEDIAKAN** air minuman, tempat teduh dan pengudaraan mencukupi.
- **LINDUNGI** pekerja daripada strok haba dan penyakit berkaitan haba.



Nafas Selamat

Melindungi Pekerja Semasa Krisis Jerebu

Ancaman jerebu yang berpunca daripada cuaca kering melampau dan pencemaran rentas sempadan membawa risiko kesihatan pekerjaan yang sangat kritikal, terutamanya melalui pendedahan berterusan kepada zarah halus bersaiz 2.5 mikron (PM2.5). Zarah mikroskopik bertoksik ini mempunyai kemampuan fizikal untuk menembusi sistem pertahanan semula jadi badan, meresap jauh ke dalam kantung udara paru-paru (alveoli), dan memasuki aliran darah, yang seterusnya mencetuskan komplikasi kesihatan yang serius seperti serangan asma, keradangan paru-paru, bronkitis kronik, dan komplikasi kardiovaskular.

Selari dan dengan peruntukan perundangan di bawah Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994, setiap majikan memikul kewajipan statutori yang mutlak untuk memastikan, setakat yang praktik, persekitaran tempat kerja kekal selamat dan sihat tanpa risiko kesihatan.



Kegagalan pihak pengurusan untuk melindungi pekerja daripada penyedutan udara tercemar ini bukan sahaja mendedahkan organisasi kepada tindakan pendakwaan dan penalti yang berat oleh pihak berkuasa, malah boleh melumpuhkan ekosistem produktiviti syarikat berikutan peningkatan kadar kemasukan ke hospital dan cuti sakit pekerja.

Sekiranya krisis cuaca memburuk dan bacaan IPU menjangkau tahap sangat tidak sihat atau berbahaya, majikan perlu menyediakan alat perlindungan pernafasan yang sesuai kepada pekerja di lapangan, lengkap dengan ujian pemadanan (fit test) yang betul.

Pada masa yang sama, kawalan kejuruteraan dalam bangunan mesti diperketatkan dengan memastikan sistem pengudaraan dan penyaman udara (HVAC) beroperasi pada tahap optimum, penapis udara ditukar ganti, dan ruang kerja kedap udara bagi menghalang penyusupan zarah pencemar dari luar.



Rujukan: Guidelines for the Protection of Employees Against the Effects of Haze at Workplaces (2013)

SIFAR DENGGI DI TAPAK BINA

STRATEGI PROAKTIF PASCA-PERUBAHAN IKLIM

Peralihan monsun dan taburan hujan yang semakin tidak menentu berikutan krisis perubahan iklim global telah memburukkan lagi ancaman denggi di negara ini. Tapak pembinaan sering kali dikenal pasti sebagai titik panas (hotspot) utama pembiakan nyamuk Aedes aegypti berikutan lambakan struktur konkrit yang tidak rata, lopak air di tapak galian, serta sisa bahan binaan terbiar yang terdedah kepada takungan air hujan.

Realiti cuaca harian yang berselang-seli antara hujan lebat dan cuaca panas terik mencipta inkubator semula jadi yang paling ideal untuk kitaran hidup nyamuk pembawa maut ini berkembang biak dengan pantas. Sekiranya pihak pengurusan tapak bina bersikap sambil lewa dalam aspek sanitasi alam sekitar, mereka bukan sahaja merisikokan nyawa pekerja buruh di tapak tersebut, malah meletakkan komuniti perumahan berhampiran dalam bahaya letusan wabak denggi yang berpotensi meragut nyawa pada bila-bila masa.

Menyedari tahap kritikal isu ini terhadap kesihatan awam dan keselamatan pekerja, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah menguatkuasakan Guidelines on Prevention and Control of Dengue at Construction Sites sebagai instrumen kawalan wajib bagi setiap kontraktor dan pemaju. Melalui garis panduan ini, pihak pengurusan diwajibkan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi secara rasmi atau menyepadukan peranannya ke dalam Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SHC) di tempat kerja. Pasukan ini memikul tanggungjawab utama untuk merangka jadual pengurusan sisa pepejal yang bersistematik serta melaksanakan aktiviti 'Cari dan Musnah' (Search and Destroy) secara berkala sekurang-kurangnya sekali seminggu.



Pemeriksaan rapi ini harus menumpukan perhatian kepada kawasan titik buta seperti takungan air di lantai bawah tanah, sistem perparitan sementara, alatan jentera, dan besen takungan lif. Sebagai langkah sokongan, intervensi kawalan biologi dan kimia seperti aplikasi ubat pembunuh jentik-jentik (temephos) di takungan kekal serta semburan kabus (fogging) berjadual mesti digerakkan secara menyeluruh bagi memutuskan rantaian jangkitan di peringkat akar umbi.



SKETSA OH KECUAIAN DI KILANG KIMIA

Utamakan Keselamatan, Elak Kecuaian!

TEMPAT KERJA SELAMAT, MASA DEPAN LEBIH BAIK!



"Sinergi Pintar: Manusia & AI dalam Kesihatan Pekerjaan"

BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN JKKP MALAYSIA

PEKERJA SIHAT PRODUKTIVITI MENINGKAT NEGARA MAJU

KES SEBENAR PEMATUHAN PENCEGAHAN

KKP BUDAYA KITA, MASA DEPAN KITA

WAWANCARA

Soalan 1

Sejak kebelakangan ini, isu perubahan iklim semakin mendapat perhatian dunia. Fenomena seperti peningkatan suhu global, jerebu rentas sempadan dan peningkatan kes denggi semakin memberi kesan kepada kehidupan seharian. Dari perspektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan, bagaimana Puan melihat cabaran ini terhadap dunia pekerjaan di Malaysia?



Ir. Ts. Hajah Hazlina Binti Yon

Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia

Jawapan

Perubahan iklim bukan lagi sekadar isu alam sekitar, malah telah menjadi satu cabaran besar kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Hari ini kita menyaksikan suhu global yang semakin meningkat akibat kesan rumah hijau, cuaca yang semakin tidak menentu, episod jerebu yang berlaku hampir setiap tahun serta perubahan corak penyakit bawaan vektor seperti denggi, leptospirosis, malaria dan sebagainya. Kesemua fenomena ini memberi implikasi secara langsung kepada pekerja, khususnya mereka yang menjalankan tugas di luar bangunan dan persekitaran kerja yang mencabar.

Sebagai contoh, pekerja pembinaan yang bekerja di bawah sinaran matahari berisiko mengalami tekanan haba (heat stress), dehidrasi, keletihan haba (heat exhaustion) dan strok haba (heat stroke) yang boleh membawa maut jika tidak ditangani dengan segera. Pekerja pertanian dan perladangan pula bukan sahaja berhadapan dengan suhu tinggi, malah terdedah kepada penyakit bawaan vektor seperti denggi dan malaria akibat perubahan corak taburan nyamuk. Dalam keadaan berjerebu, pekerja turut berisiko mengalami gangguan sistem pernafasan, pemburukan penyakit asma dan penurunan kapasiti kerja akibat pendedahan kepada zarah halus ($PM_{2.5}$). Selain itu, keadaan cuaca seperti ribut dan banjir meningkatkan risiko kemalangan pekerjaan, kerosakan infrastruktur dan gangguan operasi.

Oleh itu, majikan perlu melaksanakan langkah adaptasi seperti penilaian risiko haba, pengubahsuaian waktu kerja, penyediaan kawasan rehat yang teduh, bekalan air minuman yang mencukupi, pemantauan indeks haba serta program pendidikan dan kesedaran bagi melindungi pekerja daripada impak perubahan iklim yang semakin ketara. Majikan juga boleh merujuk kepada Garis Panduan Pengurusan Tegasan Haba di Tempat Kerja 2016 untuk sebarang maklumat lanjut.

Soalan 2

Salah satu isu yang semakin membimbangkan ialah tegasan haba. Mengapakah isu ini perlu diberikan perhatian serius oleh semua majikan?

Jawapan

Tegasan haba merupakan antara risiko pekerjaan yang semakin ketara akibat peningkatan suhu persekitaran. Apabila seseorang pekerja terdedah kepada haba yang melampau dalam tempoh yang lama tanpa kawalan yang mencukupi, tubuh badan akan mengalami kesukaran untuk mengekalkan suhu normal. Keadaan ini boleh menyebabkan dehidrasi, kelesuan haba, kekejangan otot, strok haba dan dalam situasi yang lebih serius boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.

Selain memberi kesan kepada kesihatan pekerja, tegasan haba juga boleh menjejaskan tahap tumpuan dan keupayaan membuat keputusan, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan di tempat kerja. Setiap kemalangan bukan sahaja memberi kesan kepada pekerja, malah boleh menyebabkan gangguan operasi, kerosakan aset serta kelewatan menyiapkan projek.

Dari sudut ekonomi, majikan perlu menanggung kos yang lebih tinggi seperti cuti sakit, rawatan perubatan, pampasan pekerja, pengambilan pekerja gantian, latihan semula dan kehilangan waktu bekerja. Dalam jangka panjang, jika isu ini tidak diurus dengan baik, ia boleh menjejaskan daya saing syarikat, mengurangkan keuntungan dan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh sebab itu, isu ini perlu diberikan perhatian serius kerana keselamatan dan kesihatan pekerjaan tidak boleh dikompromi. Dalam era perubahan iklim, pengurusan tegasan haba perlu menjadi sebahagian daripada budaya kerja organisasi dan bukannya hanya dilaksanakan ketika berlaku gelombang haba.

WAWANCARA



Soalan 3

Apakah pendekatan yang perlu diambil oleh majikan bagi memastikan pekerja sentiasa dilindungi daripada risiko tegasan haba?

Jawapan

Majikan mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja. Dalam konteks tegasan haba, langkah pertama adalah majikan akan menjalankan pentaksiran risiko bagi mengenal pasti pekerjaan yang berisiko tinggi terhadap pendedahan haba.

Seterusnya berdasarkan pentaksiran tersebut, majikan perlu melaksanakan langkah kawalan yang bersesuaian seperti mengubah jadual kerja bagi mengelakkan aktiviti berat ketika suhu berada pada tahap tertinggi, menyediakan kawasan rehat yang teduh, memastikan bekalan air minuman yang cukup serta menyediakan waktu rehat yang mencukupi bagi proses pemulihan.

Di samping itu, latihan dan kempen kesedaran kepada pekerja juga amat penting supaya mereka dapat mengenal pasti simptom awal tegasan haba dan mengambil tindakan segera sebelum keadaan menjadi lebih serius. Pendekatan pencegahan yang dilaksanakan secara konsisten mampu mengurangkan risiko penyakit serta kemalangan berkaitan haba di tempat kerja.

Soalan 4

JKKP telah membangunkan satu garis panduan berkaitan pengurusan risiko haba. Boleh Puan jelaskan bagaimana garis panduan tersebut dapat membantu pihak industri?

Jawapan

Sebagai agensi yang bertanggungjawab memperkasakan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan, JKKP telah membangunkan Garis Panduan Pengurusan Tegasan Haba 2016 bagi membantu industri mengurus risiko haba secara sistematik, khususnya dalam menghadapi peningkatan suhu akibat perubahan iklim.

Tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh majikan ialah mengambil kira faktor cuaca dan gelombang haba dalam perancangan kerja, melaksanakan proses penyesuai-ikliman (acclimatisation) kepada pekerja baharu atau pekerja yang kembali selepas tempoh lama tidak terdedah kepada haba, serta menyediakan Heat Action Plan yang meliputi pemantauan suhu, pengurusan waktu kerja dan rehat, hidrasi, latihan pekerja serta tindakan kecemasan.

Selain itu, di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514], Seksyen 18B, majikan diwajibkan menjalankan pentaksiran risiko terhadap bahaya yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja termasuk tegasan haba. Kegagalan melaksanakan kewajipan ini boleh dikenakan penalti sehingga RM500,000 atau penjara sehingga dua tahun, atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, pengurusan risiko haba bukan lagi pilihan, tetapi merupakan tanggungjawab undang-undang bagi memastikan pekerja selamat dan operasi syarikat terus produktif

Soalan 5

Adakah kes tegasan haba di tempat kerja sebenarnya lebih tinggi daripada yang dilaporkan, dan apakah langkah JKKP untuk meningkatkan kesedaran majikan dalam mengenal pasti serta mengurus risiko haba?

Jawapan

Persepsi bahawa tegasan haba hanyalah masalah kesihatan biasa perlu diubah kerana ia sebenarnya merupakan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh membawa kepada kesan serius seperti strok haba, kegagalan organ dan kematian jika tidak dikenal pasti serta dikawal dengan segera. Dalam keadaan perubahan iklim yang menyebabkan suhu semakin meningkat, risiko ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak.

Dari sudut perundangan, majikan bertanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terpelihara. Sekiranya berlaku kematian, kecederaan serius atau penyakit pekerjaan berkaitan haba, majikan wajib melaporkan kepada JKKP berdasarkan kehendak Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514].

Walaupun bilangan kes berkaitan haba yang dilaporkan masih rendah, ia tidak bermakna risikonya kecil. Berdasarkan rekod JKKP, sebanyak 7 kes penyakit berkaitan tegasan haba yang telah dilaporkan dari tempoh 2019 sehingga 2023, termasuk satu kes yang mengakibatkan kematian pada tahun 2023.

Walaupun jumlah kes dilaporkan masih rendah, setiap kes perlu diberi perhatian kerana ia menunjukkan risiko haba di tempat kerja adalah nyata dan boleh membawa akibat yang serius. Oleh itu, setiap kes perlu dipandang serius kerana ia menunjukkan potensi risiko yang lebih besar, khususnya kepada pekerja yang terdedah kepada haba seperti sektor pembinaan, pertanian, perladangan, logistik dan pekerjaan luar.

WAWANCARA

Soalan 6

Selain cuaca panas, Malaysia juga sering berhadapan dengan fenomena jerebu. Apakah risiko utama kepada pekerja ketika berlakunya krisis jerebu?

Jawapan

Jerebu memberi kesan yang besar terhadap kesihatan sistem pernafasan, khususnya kepada pekerja yang menjalankan tugas di luar bangunan seperti pekerja pembinaan, sektor perladangan, penghantaran, penyelenggaraan utiliti serta penguatkuasa. Pendedahan kepada udara yang tercemar dalam tempoh yang panjang boleh menyebabkan iritasi mata, batuk, sesak nafas dan memburukkan lagi penyakit sedia ada seperti asma serta penyakit paru-paru kronik.

Justeru itu, setiap majikan perlu mempunyai pelan tindakan yang jelas apabila berlaku jerebu. Penjadualan kerja, pemantauan Indeks Pencemaran Udara (IPU), peka kepada pengumuman daripada pihak berkuasa serta menyediakan peralatan perlindungan diri yang sesuai kepada pekerja agar kesihatan pekerja sentiasa terpelihara.

PEMANTAUAN INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)

Soalan 7

Perubahan iklim juga dikaitkan dengan peningkatan penyakit bawaan nyamuk seperti denggi. Mengapakah isu ini perlu diberi perhatian dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan?

LEBIH 42,000 KES DIREKODKAN SEPANJANG TAHUN INI, DENGAN 34 KEMATIAN AKIBAT DENGGI DILAPORKAN

Jawapan

Ketidak-tentuan pola hujan dan peningkatan suhu mewujudkan persekitaran ideal untuk pembiakan nyamuk Aedes. Tapak pembinaan merupakan antara lokasi yang mempunyai risiko tinggi sekiranya pengurusan kebersihan dan saliran tidak diberikan perhatian. Air yang bertakung walaupun dalam kuantiti yang sedikit boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk dan akhirnya meningkatkan risiko penularan denggi dalam kalangan pekerja.

Denggi bukan sahaja menjejaskan kesihatan individu, malah memberi kesan kepada produktiviti organisasi akibat peningkatan ketidakhadiran pekerja serta kelewatan pelaksanaan projek. Oleh itu, konsep 'Sifar Denggi di Tapak Bina' perlu dijadikan sebahagian daripada budaya keselamatan di tempat kerja melalui pemeriksaan berkala, penghapusan tempat pembiakan nyamuk dan kerjasama erat antara majikan, pekerja serta pihak berkuasa berkaitan.

Kes denggi di Malaysia menunjukkan peningkatan ketara apabila lebih 42,000 kes direkodkan sepanjang tahun ini, dengan 34 kematian akibat denggi dilaporkan. Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 42,848 kes denggi direkodkan sehingga 9 Julai 2026, meningkat 34.8% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya yang mencatatkan 31,790 kes. Jumlah kematian juga meningkat hampir 79% berbanding tahun lalu.

WAWANCARA



Soalan 8

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2026–2030 (OSHMP30) turut memberi penekanan kepada pembinaan persekitaran kerja yang berdaya tahan. Bagaimanakah aspirasi pelan ini dapat membantu negara menghadapi ancaman perubahan iklim?

Jawapan

JKKP melalui OSHMP30 telah menetapkan hala tuju strategi negara dalam memperkukuhkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehingga 2030. Dengan tema membina persekitaran KKP yang berdaya tahan dan inklusif, pelan ini mengambil kira cabaran baharu dunia pekerjaan seperti perubahan iklim, kemajuan teknologi dan perubahan demografi tenaga kerja. Program 4 Teras Strategik 5 secara khusus menekankan pengukuhan tadbir urus KKP melalui pendekatan kolaboratif, berasaskan risiko dan pencegahan bagi memastikan isu seperti tegasan haba, risiko psikososial dan penyakit berkaitan pekerjaan dapat diurus secara lebih sistematik dan berkesan dengan mengintegrasikan penilaian risiko iklim, latihan mengikut keperluan pekerja serta pelan kesiapsiagaan kecemasan yang kukuh. Pendekatan ini turut memperkukuhkan budaya pencegahan serta memastikan tenaga kerja Malaysia lebih bersedia menghadapi ancaman perubahan iklim pada masa hadapan.

Soalan 9

Akhir sekali, apakah mesej Puan kepada semua majikan dan pekerja di Malaysia dalam menghadapi ancaman perubahan iklim?

Jawapan

Saya ingin menyeru kepada semua majikan agar melihat keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai satu pelaburan strategik yang memberi manfaat kepada organisasi dan negara. Perubahan iklim akan terus menjadi cabaran global, namun impaknya dapat diminimumkan sekiranya kita bersedia lebih awal melalui perancangan yang sistematik, pematuhan kepada perundangan serta pelaksanaan langkah pencegahan yang berkesan.

Pada masa yang sama, pekerja juga perlu memainkan peranan dengan mematuhi prosedur keselamatan, melaporkan sebarang risiko yang dikenal pasti dan sentiasa mengutamakan kesihatan diri ketika menjalankan tugas. Saya yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak, kita mampu merealisasikan aspirasi OSHMP30 dan membina tempat kerja yang lebih selamat, sihat, berdaya tahan dan inklusif demi kesejahteraan tenaga kerja Malaysia serta generasi akan datang.

GARIS PANDUAN PERLINDUNGAN PEKERJA DARIPADA KESAN JEREBU DI TEMPAT KERJA

1 PENDAHULUAN



- Pencemar utama yang membahayakan kesihatan semasa jerebu ialah zarah halus (PM10 – zarah bersaiz 10 mikron dan ke bawah).
- Kesan kesihatan bergantung pada tahap keterukan jerebu yang ditunjukkan oleh nilai Indeks Pencemaran Udara (API).
- **Pada API > 100,** kualiti udara adalah **tidak sihat.**

Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA), majikan wajib melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja. Jika API > 100, pekerja berisiko terdedah kepada bahaya jerebu. Majikan perlu menjalankan penilaian risiko dan melaksanakan langkah kawalan termasuk menghentikan kerja jika perlu.

STOP

Sekiranya majikan gagal mematuhi arahan henti kerja, DOSH boleh mengenakan kerja dihentikan. Kesalahan boleh dikenakan denda sehingga **RM500,000.00** atau penjara sehingga **2 tahun** atau kedua-duanya, serta denda tambahan **RM2,000.00** bagi setiap hari kesalahan berterusan.

Objektif garis panduan ini adalah untuk membantu majikan dan pekerja supaya lebih bersedia dalam meminimumkan atau mengurangkan kesan jerebu. Nilai API yang dinyatakan merujuk kepada purata 24 jam PM10 mengikut MAAQS yang dikeluarkan oleh DOE.

2 PERSIAPAN (PREPARATION)

Setelah pengumuman risiko jerebu oleh agensi berkaitan, majikan perlu mengambill langkah berikut:

- Semak dan kemas kini penilaian risiko jerebu.
- Sediakan pelan tindakan dan tatacara kerja.
- Pastikan sistem pengudaraan/ penapis udara berfungsi dengan baik.
- Sediakan peralatan perlindungan diri (PPE) dan respirator yang sesuai.
- Maklumkan kepada semua pekerja tentang risiko dan langkah perlindungan.
- **Latih pekerja** mengenai langkah keselamatan dan penggunaan PPE.
- Semak kesiapsiagaan kemudahan dan peralatan kecemasan.

3 PENGURUSAN PEKERJA YANG MUDAH TERKESAN

Lindungi kumpulan berisiko tinggi:

- Wanita hamil
- Warga emas
- Pesakit kronik (paru-paru, jantung, dll)
- Kanak-kanak
- Pekerja yang terdedah lama

Pertimbangkan penyesuaian kerja, cuti sakit atau pemantauan kesihatan yang lebih rapi.

4 KURANGKAN AKTIVITI KERJA LUAR



- Hadkan atau elakkan kerja luar apabila API melebihi 100.
- **Sesuaikan jadual kerja** dan berikan rehat yang mencukupi.

5 PENYEDIAAN RESPIRATOR YANG SESUAI



- ✓ Pilih jenis respirator yang sesuai dengan tahap pencemaran.
- ✓ Pastikan saiz yang sesuai dan dipakai dengan betul.
- ✓ Latih pekerja cara penggunaan dan penyelenggaraan.

6 MENINGKATKAN PERLINDUNGAN UNTUK KERJA DALAM BILIK DALAM DAN PERALATAN TERTENTU



- Pastikan pengudaraan dan penapis udara (APU) berfungsi dengan baik.
- Tutup pintu dan tingkap yang tidak perlu.
- Elakkan pencemaran dalaman daripada sumber lain.
- Bagi peralatan tertentu, pastikan penyelenggaraan dan penapisan udara yang mencukupi.

7 KOMUNIKASI ON HAZE

- Maklumkan tahap API dan nasihat terkini.
- Gunakan pelbagai medium (poster, emel, WhatsApp, papan kenyataan).
- Pastikan mesej jelas, tepat dan mudah difahami.
- Galakkan pekerja sentiasa mengikuti info semasa daripada agensi rasmi.

TAHAP API & TINDAKAN RINGKAS

API	KUALITI UDARA	TINDAKAN
0 – 50	Baik	Tiada tindakan khusus.
51 – 100	Sederhana	Kekalkan langkah pencegahan.
101 – 200	Tidak sihat	Kurangkan aktiviti luar, gunakan respirator.
201 – 300	Sangat tidak sihat	Elakkan kerja luar, peningkatan perlindungan diri.
> 300	Berbahaya	Hentikan kerja luar dan ikut arahan DOSH.

TERMA PENTING

API : Indeks Pencemaran Udara
APU : Alat Penapis Udara
DOE : Jabatan Alam Sekitar
DOSH : Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
MAAQS : Piawaian Kualiti Udara Ambien Malaysia
OSH : Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
OSHA : Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Jerebu Boleh Dicegah, Kesihatan Tetap Terjaga!

DARI FAIL MAHKAMAH

KES PENDAKWAAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN JKKP NEGERI 2025



KES 01

Pejabat Negeri
JKKP PAHANG

Tarikh Sebutan Kes
23 September 2025

Sektor
Pengilangan

Syarikat
Kilang Sawit Charuk Putting Sdn. Bhd.

Pertuduhan

Majikan gagal mengadakan ujian audiometrik pada Tahun 2023 terhadap pekerjanya iaitu Bhogendra, Ganshyam, Mahadev dan Mohd Hazaraen.

Empat pertuduhan dibawah Peraturan 9(1) Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Mahkamah
Mahkamah Majistret Temerloh

DENDA
RM2000
bagi setiap pertuduhan,
gagal bayar penjara 2 bulan

Pegawai Pendakwa
Pn. Maryanti Binti Mohamad



Pegawai Penyiasat
Dr Kesavan a/l Govindasamy
Sr. Nor Zarina Binti Ahmad Nasir
Mn Abdul Rahman Bin Anuar



KES 02

Pejabat Negeri
JKKP KELANTAN

Tarikh Sebutan Kes
7 Ogos 2025

Sektor
Pengilangan

Syarikat
HS Heng Seng Metal Sdn. Bhd.

Pertuduhan

Gagal menjalankan ujian audiometri setiap tahun kepada pekerja yang terdedah kepada bunyi bising melebihi had yang dibenarkan.

Pertuduhan di bawah Peraturan 9(1) Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Mahkamah
Mahkamah Majistret 2 Kota Bharu

DENDA
RM3500

Pegawai Pendakwa
En. Haizul Afta Bin Masri



Pegawai Penyiasat
Dr. Ridzuan Bin Abdullah Zawawi



Pegawai Penyiasat
Sr Suziani Binti Mohd Rani
Sn Nurul Zaitulakmal Binti Zainuddin



PENGAJARAN DARIPADA KES

Program pemuliharaan pendengaran dan ujian audiometri bukan sekadar dokumentasi. Pematuhan terhadap keperluan berkaitan pendedahan bising merupakan sebahagian daripada tanggungjawab majikan dalam melindungi kesihatan pekerja.

DARI FAIL MAHKAMAH

KES PENDAKWAAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN JKKP NEGERI 2025



KES 03

Pejabat Negeri
JKKP WPKL

Tarikh Sebutan Kes
19 Januari 2025

Sektor
Pengilangan

Syarikat
Ablesun Rubber Industries Sdn. Bhd.

PERTUDUHAN PERTAMA

Gagal untuk menjalankan pemantauan pendedahan bahan kimia di bahagian work unit pre-weighing operator, compounding operator, dan moulding operator dalam masa sebulan selepas menerima laporan penaksiran daripada pengapit.

PERTUDUHAN KEDUA

Gagal untuk mengurangkan pendedahan sebenar seseorang pekerja kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, iaitu gagal untuk menjalankan Program Pengawasan Kesihatan yang merangkumi komponen Pengawasan Perubatan terhadap pekerja di bahagian work unit pre-weighing operator dan compounding operator dalam masa sebulan selepas menerima laporan penaksiran daripada pengapit.

Kedua-dua pertuduhan ini di bawah Peraturan 14(1) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000

Mahkamah
Mahkamah Majistret Jenayah 8 Kuala Lumpur

DENDA
RM4,000
RM 2,000 bagi setiap pertuduhan.



Pegawai Pendakwa



Ir. Ts. Muhamad Amirullah Bin Abdul Rahman

Mohamad Farid Bin Ahmad Azam

Pegawai Penyiasat
Sn. Jamilatullailah Binti Nurul Jamil



Penolong Pegawai Penyiasat
Dr Santhanamohan a/l Nagesperam
Sr. Noradilah Binti Mat





KES 04

Pejabat Negeri
JKKP PERAK

Tarikh Sebutan Kes
21 Julai 2025

Sektor
Pengilangan

Syarikat
Belton Springs Sdn. Bhd.

Pertuduhan

Gagal menjalankan ujian Audiometrik setiap tahun ke atas mana-mana pekerja yang terdedah kepada NEL

Pertuduhan di bawah Peraturan 9(1) Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Mahkamah
Mahkamah Majistret Sungai Siput

DENDA
RM3000

Pegawai Pendakwa
Ir. Suhaidy Bin Latip



Pegawai Penyiasat
Sn Abidah Binti Abdul Rahman



Pegawai Penyiasat
Sr Salbiah Binti Said




KESIHATAN KULIT DI TEMPAT KERJA
Lindungi Diri Anda Dari Dermatitis Akibat Bahan Kimia!
KERJA SELAMAT
KULIT SIHAT
PRODUKTIVITI
TERJAMIN
1. DI TEMPAT KERJA
Ala Siti, sikit je ni, Tak bahaya pun...
Ali! Kenapa tak pakai sarung tangan?
UTAMAKAN KESELAMATAN
PELARUT KIMIA
Sentuhan kulit dengan bahan kimia boleh menyebabkan penyakit kulit pekerjaan.
2. BEBERAPA HARI KEMUDIAN
Aduh... gatalnya! Kenapa jadi macam ni?
Itu mungkin DERMATITIS akibat bahan kimia!
3. DI KLINIK
JAGA KESIHATAN KULIT
Ali, ini adalah penyakitkulit pekerjaan. Kulit awak terdedah kepada bahan kimia tanpa perlindungan.
Maksudnya kerja saya yang sebabkan ni?
Ya. Ini dipanggil Occupational Contact Dermatitis.
4. PENERANGAN RINGKAS
PUNCA BIASA
Bahan pencuci kuat
Pelarut kimia
Asid / Alkali
SIMPTOM
Kulit merah
Gatal
Melepuh
Kulit kering & pecah
Pendedahan berulang boleh menyebabkan masalah berpanjangan!
5. KEMBALI KE TEMPAT KERJA
Keselamatan bukan pilihan. WAJIB!
Saya dah belajar... kulit ni bukan kebal!
UTAMAKAN KESELAMATAN
PAKAI PPE
IKUT SOP
CEGAH KEMALANGAN
BAHAN KIMIA
Bagus! Cegah sebelum kena.
6. PENUTUP – MESEJ UTAMA
LINDUNGI KULIT ANDA.
GUNAKAN PPE.
ELAKKAN PENDEDAHAN BAHAN KIMIA.
BUDAYA KERJA SELAMAT DAN SIHAT
Lebih baik pakai sekarang... daripada sakit kemudian!
INGAT! KULIT SIHAT, KERJA SELAMAT, HIDUP BERKUALITI.

LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

PUTRAJAYA BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
Seminar dan Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja

Tarikh Mula : 30/06/2026
Tarikh Akhir : 30/06/2026

Masa : 8.00 pagi- 5.00 petang

Tempat : Pulse Grande Hotel, Putrajaya
Jumlah peserta : 100



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Seminar dan Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja







TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
OCCUPATIONAL MEDICINE WITHOUT BORDERS: RISKS, EVOLVING WORKFORCES, AND INCLUSIVE COLLABORATION ASIA TIMUR, SURABAYA

TARIKH MULA : 16/05/2026

TARIKH AKHIR : 17/05/2026
MASA : 8.00PAGI-05.00PTG



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Kursus luar negara- wakil dari Ibu pejabat seorang dan 2 orang pegawai dari seksyen kesihatan pekerjaan





LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

PUTRAJAYA BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
BENGKEL PEMANTAPAN KOMPETENSI PEGAWAI KESIHATAN PEKERJAAN JKKP BAGI TAHUN 2026

TARIKH MULA : 11/05/2026

TARIKH AKHIR : 15/05/2026
MASA : 8.00-5.00PM

TEMPAT : PULAI SPRING HOTEL, JOHOR BAHRU
JUMLAH PESERTA: 53



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Seminar dan Majlis Pelancaran Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
BENGKEL PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN SPIROMETRI DI TEMPAT KERJA PASCA SERANTA AWAM

TARIKH MULA : 13/02/2026
TARIKH AKHIR : 15/07/2026

MASA : 11.00AM

TEMPAT : HOTEL ROYAL KUALA LUMPUR
JUMLAH PESERTA : 15



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Penetapan draf pembangunan Garis Panduan Prosedur Spirometri kepada Pengamal Kesihatan Pekerjaan



LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

PUTRAJAYA BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
BENGKEL LATIHAN ORANG TERLATIH PSIKOSOSIAL (PSYCHOSOCIAL TRAINED PERSON - PTP) BAGI PEGAWAI DI KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

TARIKH MULA : 22/04/2026
TARIKH AKHIR : 24/04/2026
MASA : 8.00-5.00 PETANG

TEMPAT : PERDANA KLCC
JUMLAH PESERTA : 30



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Bengkel Latihan Orang Terlatih Psikososial (Psychosocial Trained Person - PTP) Bagi Pegawai di Kementerian Komunikasi dan Multimedia





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
BENGKEL PEMBANGUNAN TATAAMALAN INDUSTRI BERKAITAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN

TARIKH MULA : 02/06/2026
TARIKH AKHIR : 05/06/2026
MASA : 8.00-10.00PM

TEMPAT : HOLIDAY INN HOTEL, MELAKA.
JUMLAH PESERTA : 16

TEMPAT : SHERATON SURABAYA HOTEL & TOWERS, JAWA TIMUR, INDONESIA



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Bengkel Pembangunan Tataamalan Industri Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan telah dijalankan pada 2-5 Jun 2026 di Holiday Inn Hotel, Melaka.





LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KEDAH SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
CERAMAH PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA UNIKL KULIM

TARIKH MULA : 11/02/2026
TARIKH AKHIR : 11/02/2026
MASA : 2:30 PM - 4:30 PM

TEMPAT : UNIKL KULIM
JUMLAH PESERTA : 25

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Ceramah berkaitan psikososial di tempat kerja telah disampaikan oleh Pn Amelia bin Abdul Samin kepada pekerja UNIKL Kulim.



TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
CERAMAH PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA: HOSPITAL PAKAR METRO

TARIKH MULA : 06/07/2026

TARIKH AKHIR : 06/07/2026
MASA : 10:00 AM - 12:00 PM

TEMPAT : HOSPITAL PAKAR METRO
JUMLAH PESERTA : 40

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Ceramah berkenaan psikososial di tempat kerja disampaikan oleh Dr Mohd Shamirul bin Ahmad



TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
CERAMAH PSOKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA: TAPAK PROJEK LSS5 GENTARI SUNGAI PETANI

TARIKH MULA : 18/05/2026
TARIKH AKHIR : 18/05/2026
MASA : 9:30 AM - 11:00 AM

TEMPAT : TAPAK PROJEK LSS5 GENTARI, SUNGAI PETANI
JUMLAH PESERTA : 20

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Ceramah berkaitan psikososial di tempat kerja kepada pekerja di tapak projek.



LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KEDAH SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
BICARAWARA SEMPENA SAMBUTAN HARI SEDUNIA KKP

TARIKH MULA : 20/04/2026
TARIKH AKHIR : 20/04/2026
MASA : 12:15 PM - 12:45 PM

TEMPAT : KEDAH FM
JUMLAH PESERTA : 100



TRINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
SESI TEMU BUAL BERTAJUK PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA SEMPENA SAMBUTAN HARI SEDUNIA KKP.





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PEMERIKSAAN KESIHATAN SANTUNI MADANI MASJID AT TAQWA

TARIKH MULA : 18/07/2026
TARIKH AKHIR : 18/07/2026
MASA : 8:00 AM - 12:00 PM

TEMPAT : MASJID AT TAQWA TAMAN PKNK ALOR SETAR
JUMLAH PESERTA : 123

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Menyediakan pemeriksaan kesihatan meliputi pemeriksaan tekanan darah, pemeriksaan diabetis, pemeriksaan kolestrol dan konsultansi yang dijalankan oleh Dr. Mohd Shamirul bin Ahmad dibantu Puan Amelia binti Abdul Samin dan Pn Shalini a/l Suhumarann kepada kariah Masjid At Taqwa Taman PKNK Alor Setar









LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KEDAH SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
SESI TEMU BUAL DI LANGKAWI FM

TARIKH MULA : 02/07/2026
TARIKH AKHIR : 02/07/2026
MASA : 10:15 AM - 10:30 AM

TEMPAT : LANGKAWI FM
JUMLAH PESERTA : 100

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Sesi Temu Bual Bertajuk Psikososial Di Tempat Kerja Sempena Sambutan Minggu Kkp Peringkat JKKP Kedah 2026







TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
TAKLIMAT PSYCHOSOCIAL RISK ASSESSMENT AND MANAGEMENT AT A WORKPLACE (PRISMA)

TARIKH MULA : 14/06/2026
TARIKH AKHIR : 14/06/2026

MASA : 8.30 PAGI - 4.30 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT JKKP KEDAH
JUMLAH PESERTA : 63

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Sesi perkongsian ilmu bagi memberikan pendedahan kepada pegawai JKKP berkenaan PRisMA dan cara pengaplikasian









LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

JOHOR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PENGUMUMAN 10 PEMENANG CABARAN 5 HARI: SETENGAH JUTA LANGKAH

TARIKH PROGRAM : 24/07/2026

MASA : 9AM-9.30AM

TEMPAT : BILIK MAWAR JKKP JOHOR
JUMLAH PESERTA : 50









RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Pengumuman 10 pemenang cabaran 5 Hari: Setengah Juta Langkah yang berlangsung dari 14.07.2026 sehingga 18.07.2026. Pengumuman telah dibuat oleh Dr Sharifah Nor Sabira. Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah JKKP Johor Encik Ahmad Nazri Bin Ab Kader sebagai penghargaan di atas komitmen dan semangat penyertaan sepanjang program berlangsung. Seramai 83 warga JKKP telah menyertai cabaran (menggunakan APPS StepUP). Langkah yang telah dicapai adalah sebanyak 4,482,827 juta langkah. Semoga inisiatif ini terus menyemarakkan budaya hidup sihat di kalangan warga JKKP Johor.

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PROGRAM MENELUSURI 1 MEI 2026 ZON SELATAN: PEKERJA KESUMA BANGSA

TARIKH MULA : 16/05/2026

TARIKH AKHIR : 17/05/2026
MASA : 8.00PAGI-05.00PTG

TARIKH MULA : 15/04/2026
TARIKH AKHIR : 15/04/2026
MASA : 2.00PM

TEMPAT : ADTEC BATU PAHAT
JUMLAH PESERTA : 209



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Sesi ceramah ' Mental Health Awareness' dan Forum "Keseimbangan Kerja- Hidup : Mitos/ Realiti"





LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

JOHOR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
TAKLIMAT CABARAN MEMBINA DAYA TAHAN MENTAL DALAM PERSEKITARAN KERJA YANG MENCABAR & GARIS PANDUAN PRISMA

TARIKH MULA : 10/07/2026
TARIKH AKHIR : 10/07/2026
MASA : 9AM-12PM

TEMPAT : DEWAN SELAT TEBRAU MENARA TJB JOHOR
JUMLAH PESERTA : 100 (JKKP JOHOR + AGENSI LUAR)









RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program sempena OSHWEEK 2026. Taklimat bertajuk CABARAN MEMBINA DAYA TAHAN MENTAL DALAM PERSEKITARAN KERJA YANG MENCABAR yang disampaikan oleh penceramah jemputan Prof Madya Dr Siti Sara Yaacob. Taklimat kedua iaitu GARIS PANDUAN PRISMA disampaikan oleh Dr Sharifah Nor Sabira. Perkongsian ilmu ini adalah diharapkan supaya dapat meningkatkan kesedaran warga jabatan terhadap aspek kesejahteraan psikososial dan seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sihat, selamat dan produktif.

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI : TEKAD

TARIKH MULA : 26/09/2025
TARIKH AKHIR : 15/12/2025

MASA : 8AM-12.30PM

TEMPAT : JKKP JOHOR
JUMLAH PESERTA : 104



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Program TEKAD telah dijalankan di JKKP JOHOR pada tahun 2025.
Sesi pertama telah dijalankan pada 26.09.2025
Sesi kedua pada : 15.12.2025
Jumlah Pegawai JKKP Johor: 107 orang
Jumlah yang disaring: 104 orang
Cuti Belajar: 2 orang
Cuti Tanpa Gaji : 1 orang
Negatif: 104 orang
Positif: 0









LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

JOHOR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PROGRAM SAMBUTAN OSH WEEK DI DELIMA OIL SDN BHD

TARIKH MULA : 18/05/2026
TARIKH AKHIR : 18/05/2026
MASA : 9.00AM

TEMPAT : DELIMA OIL SDN BHD
JUMLAH PESERTA : 40 ORANG

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Ceramah Mental Health dan Taklimat Prisma







TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
SEMPENA OSHWEEK 2026. PERASMIAN CABARAN 5 HARI: SETENGAH JUTA LANGKAH JKKP JOHOR

TARIKH MULA : 14/07/2026
TARIKH AKHIR : 14/07/2026

MASA : 8AM-12PM

TEMPAT : TMIYC JOHOR BAHRU
JUMLAH PESERTA : 72 (JKKP JOHOR + AGENSI LUAR)

Jumlah peserta : 100





RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Perasmian sempena Cabaran 5 Hari: Setengah Juta Langkah JKKP Johor. Dirasmikan Oleh Pengarah JKKP Johor Ahmad Nazri Bin Ab Kader. Program dimulakan dengan ucapan dan perasmian Pengarah JKKP Johor. Acara Senam aerobik telah dijayakan oleh Wellness Hub Johor Bahru selama 1 jam.

Pelepasan peserta untuk Setengah juta langkah bermula pada jam 10pagi. Program berakhir Jam 12 tengah hari. Program ini bertujuan membudayakan amalan gaya hidup sihat, meningkatkan kecergasan fizikal serta mengalakkan warga JKKP mengamalkan aktiviti berjalan kaki sebagai sebahagian daripada gaya hidup sihat. Cabaran ini bermula dari 14.07.2026 sehingga 18.07.2026 dengan sasaran setengah juta langkah secara kolektif.



LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

JOHOR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
WEBINAR PRISMA

TARIKH MULA : 19/05/2026
TARIKH AKHIR : 19/05/2026

MASA : 10.00AM

TEMPAT : ONLINE
JUMLAH PESERTA : 250 ORANG

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Pengenalan Garis Panduan Prisma







TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
WORLD OSH DAY 2026 SEMINAR : MANAGING PSYCHOSOCIAL HAZARDS AT WORK

TARIKH MULA : 28/04/2026
TARIKH AKHIR : 28/04/2026T

MASA : 9AM - 1PM

TEMPAT : KSL HOTEL JOHOR BAHRU
JUMLAH PESERTA : 150


RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Tajuk: Garis Panduan PRISMA 2024
Penceramah: Sr Siti Hajar Mazlan

Tajuk: OSHA 1994 Requirements On Psychosocial Hazrads
Penceramah: Sn Nurl Jannatussalaamah Abdullah











LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KELANTAN — SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PAMERAN KESIHATAN MENTAL DI TEMPAT KERJA (GUIDELINES ON PSYCHOSOCIAL RISK ASSESSMENT AND MANAGEMENT AT WORKPLACE) PRISMA

TARIKH MULA : 15/06/2026

MASA : 9.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT : KPJ PERDANA SPECIALIST HOSPITAL
JUMLAH PESERTA : 100 ORANG







Ringkasan program/aktiviti :
Jemputan di terima susulan daripada ke Psy yang terdapat di KPJ, Oleh itu bersempena hari Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (QSHE) 2026, pihak majikan telah menjemput unit promosi dengan bantuan seksyen kesihatan pekerjaan bagi mengadakan pameran berkenaan PRisMA. Semasa sesi pameran dijalankan, terdapat walk thro client yang mendapatkan khidmat nasihat, pusat pengajar bagi ATP serta senarai contact numbers ATP di Kelantan.

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
MESYUARAT KESIHATAN PEKERJAAN ZON TIMUR 2026

TARIKH MULA : 04/03/2026
TARIKH AKHIR : 07/05/2026

TEMPAT : JKKP KELANTAN

JUMLAH PESERTA : MELIBATKAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN, JKKP KELANTAN, PAHANG DAN TERENGGANU



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Jawatankuasa Kesihatan Pekerjaan Zon Pantai Timur telah ditubuhkan pada Tahun 2023 oleh Ketua Seksyen Kesihatan Pekerjaan Kelantan, Pahang dan Terengganu. Jawatankuasa ini merupakan platform dimana keseluruhan ahli Seksyen Kesihatan Pekerjaan Zon Pantai Timur berkumpul dan mengutarakan sebarang usul, perkara berbangkit serta isu-isu semasa yang dihadapi sebelum dikemukakan kepada pihak BKesP, Ibu Pejabat JKKP Malaysia. Selain itu juga, Jawatankuasa ini turut bertindak sebagai platform perbincangan berkaitan aktiviti yang akan dan sedang dijalankan pada tahun semasa iaitu Simposium Kesihatan Pekerjaan Zon Pantai Timur 2026, Osh Members 2.0 serta penghasilan Buletin Kesihatan Pekerjaan. Pengerusi : Dr. Kesavan A/L Govindasamy manakala Setiausaha : JT Nurul Zaitulakmal Binti Zainudin.







LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KELANTAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
HI-TEA OH : OCCUPATIONAL HEALTH TALK WITH DOSH KELANTAN

Tarikh Mula : 19/08/2025
Tarikh Akhir : 19/08/2025
Masa : 2.00 petang hingga 5.00 petang

Tempat: EMERALD 2, HOTEL RENAI, KOTA BHARU.
Jumlah peserta : 40 peserta



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Occupational Health Talk bersama JKKP Kelantan telah berjaya dianjurkan oleh Seksyen Kesihatan Pekerjaan JKKP Kelantan bertempat di Renai Hotel, Kota Bharu dengan penyertaan 40 orang Doktor Kesihatan Pekerjaan yng berdaftar di Negeri Kelantan. Program telah di rasmikan oleh Pengarah JKKP Kelantan, Puan Rosnizawati Binti Baharom.Program ini bertujuan membincangkan isu-isu Kesihatan Pekerjaan khususnya di Negeri Kelantan serta perkongsian ilmu dari Pengamal Kesihatan Pekerjaan yang berpengalaman. (Topic 1 : CHRA & NRA Key Areas for OHD oleh Dr. Muhammad Naim Bin Deramann, OHD & CHRA Assessor vs Topic 2 : Audiometric and Medical Surveillance : Sharing Experiences with OHD oleh Dr. Wan Haziq Bin Wan Kamarul Zaman, OHD Klinik Haydar dan Kamal.







LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

KELANTAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PROGRAM TEMPAT KERJA BEBAS DADAH(TEKAD)

Tarikh Mula : 07/08/2025
Tarikh Akhir : 07/08/2025
Masa : 8.30pg sehingga 2.00 ptg

Tempat: BILIK MESYUARAT AULA MADANI JKKP KELANTAN
Jumlah peserta : 50





RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
-JKKP KELANTAN telah dipilih untuk melaksanakanProgram TEKAD-Ujian Saringan Urin DADAH bagi Tahun 2025.Bagi memastikan tempat kerja bebas drpd penyalahgunaan DADAH atau bahan terlarang.





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PENGUATKUASAAN AUDIOMETRIK DI HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA, KUALA KRAI

TARIKH MULA : 01/01/2026
TARIKH AKHIR : 30/04/2026
MASA : 10.00 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA, KUALA KRAI





RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Penguatkuasaan Audiometrik dan Pemantauan Pengawasan Perubatan di tempat kerja yang dijalankan pada 2026 melibatkan beberapa tempat kerja seperti Hospital Sultan Ismail Petra, KPJ Perdana Specialist, HUSM, & HK Fibre Gua Musang.



LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

W.P KUALA LUMPUR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN-KESEJAHTERAAN PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA.

TARIKH MULA : 14/07/2026
TARIKH AKHIR : 14/07/2026
MASA : 7.30 PAGI HINGGA 2 PTG

TEMPAT : COSMO HOTEL KUALA LUMPUR
JUMLAH PESERTA : 30 ORANG



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program ini diadakan sempena Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan JKKP WPKL & Putrajaya. Ia diadakan dengan kerjasama daripada "The Association of Bank in Malaysia" (ABM) dimana peserta yang hadir adalah terdiri wakil pengurusan 23 buah bank dibawah ABM. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan tahap pemahaman peserta terhadap punca dan kesan bahaya psikososial di tempat kerja selaras dengan sasaran OSHMP 2030.







TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
UJIAN MAMOGRAM PEGAWAI JKKP WPKL

TARIKH MULA : 28/04/2026
TARIKH AKHIR : 11/05/2026
MASA : 8.00 PAGI

TEMPAT : NATIONAL CANCER SOCIETY MALAYSIA, JALAN RAJA MUDA ABDUL AZIZ KUALA LUMPUR.
JUMLAH PESERTA : 11 ORANG PEGAWAI JKKP WPKL

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Mamogram ialah sejenis ujian pengimejan sinar-X ke atas payudara yang digunakan untuk mengesan tanda-tanda awal kanser payudara. Ia adalah kaedah saringan paling berkesan dan terbukti secara klinikal untuk mengesan kanser payudara pada peringkat awal iaitu sebelum gejala timbul. Ia adalah program subsidi yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).







LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

W.P KUALA LUMPUR SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
CERAMAH KESIHATAN BERTAJUK: VAKSIN-ADAKAH IANYA SESUAI DAN SELAMAT

TARIKH MULA : 08/05/2026
TARIKH AKHIR : 08/05/2026
MASA : 9.15 PAGI HINGGA 10.30

TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA JKKP WPKL
JUMLAH PESERTA : 80



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Ceramah disampaikan oleh Dr. Harpajan Singh dari Klinik Kesihatan Kuala Lumpur sempena penutup program MyHess 2026. Tujuan ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran kepada warga JKKP WPKL tentang kepentingan pengambilan vaksin bagi melindungi diri, mencegah jangkitan serta membendung penularan penyakit .





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PROGRAM TEMPAT KERJA BEBAS DADAH (TEKAD) -JKKP WPKL

TARIKH MULA : 08/06/2026
TARIKH AKHIR : 08/06/2026
MASA : 9.00 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA , JKKP WPKL
JUMLAH PESERTA : 92 ORANG PEGAWAI



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program TEKAD diadakan bagi meningkatkan kesedaran warga JKKP WPKL mengenai bahaya penyalahgunaan dadah serta kepentingan mewujudkan persekitaran kerja selamat, sihat dan produktif. Program ini dimulakan dengan ceramah Tempat Kerja Bebas Dadah oleh penceramah dari AADK Dang Wangi . Kemudian diteruskan dengan program saringan urin dadah yang dijalankan oleh pegawai Seksyen Kesihatan Pekerjaan JKKP WPKL dengan kerjasama pegawai Seksyen Kesihatan Pekerjaan JKKP Ibupejabat, Selangor dan Negeri Sembilan.



LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

LABUAN — SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2026 PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

TARIKH MULA : 22/07/2026
TARIKH AKHIR : 22/07/2026
MASA : 10.00 PAGI

TEMPAT : LABUAN POWER PLANT PROJECT
JUMLAH PESERTA : 100 ORANG

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Sambutan minggu keselamatan dan kesihatan pekerjaan tahun 2026 peringkat WP Labuan telah diadakan pada 22 Julai 2026 dengan kerjasama Rancha Power Sdn Bhd. Program ini bertempat di tapak pembinaan projek jana kuasa Labuan melibatkan penyertaan daripada pegawai-pegawai JKKP, para pekerja projek jana kuasa dan juga penduduk kampung sekitar tapak tersebut. Dalam majlis ini turut diadakan pemeriksaan kesihatan dan ceramah.



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN W.P LABUAN



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN W.P LABUAN



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN W.P LABUAN



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN W.P LABUAN

LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

MELAKA — SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
LAWATAN INDUSTRI PELAJAR UTEM KE PACIFIC FOOD, MELAKA

TARIKH MULA : 17/12/2025
TARIKH AKHIR : 17/12/2025
MASA : 2.00PTG - 5.00PTG

TEMPAT : PACIFIC FOOD PRODUCTS SDN BHD
JUMLAH PESERTA : 65 (60 Pelajar, 5 Pensyarah)



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Lawatan industri pelajar-pelajar utem ke Pacific Food Products Sdn Bhd bersama dengan pegawai DOSH berkaitan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
AUDIT ANUGERAH ASEAN RED RIBBON FOR OUTSTANDING WORKPLACE (ARROW) KE-6

TARIKH MULA : 15/06/2026
TARIKH AKHIR : 15/06/2026
MASA : 9.00PAGI - 5.00PETANG

TEMPAT : EDRA ENERGY SDN BHD (STESEN JANA KUASA ELEKTRIK (EDRA) MELAKA

JUMLAH PESERTA : 6 pegawai DOSH (hq dan Melaka) dan seorang wakil Malaysian Aids Council (MAC) sebagai auditor.

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :

Anugerah ARROW merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada syarikat-syarikat di setiap negara anggota Asean atas inisiatif luar biasa mereka dalam pengurusan dan pencegahan hiv/aids di tempat kerja. edra melaka antara tempat kerja yang menyertai anugerah ARROW 2026 mewakili Malaysia







CARTA ORGANISASI KESIHATAN PEKERJAAN

PEGAWAI BAHAGIAN KESIHATAN PEKERJAAN JKKP HQ Putrajaya



Dr. Rajinderjit
Timbalan Pengarah
Seksyen Pengiktirafan



Dr. Ahmad Fitri
Pengarah
Bahagian
Kesihatan Pekerjaan



Dr. Ahmad Faiz
Timbalan Pengarah
Seksyen
Perubatan Pekerjaan



Dr. Mohd Ridzuan



Dr. Pravind Kumar



Ts. Mohd Zulhafiz



Dr. Muhd Zafran



KJ. Mazni



PPKP Najuah



KJ. Rosmawati



KJ. Sarah Sabarina



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN KEDAH



Dr. Mohd Shamirul



KJ. Amelia



JT. Shalini



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN PULAU PINANG



Dr. Rajkumar



KJ. Muntaz



JT. Norhaslinda



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN JOHOR



Dr. Christina



KJ. Sharifah



KJ. Siti Hajar



JT. Jannatussalaamah



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN PERLIS



Dr. Siti Raihana



JT. Mazuwanaerwana



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN SARAWAK



Dr. Robertson



KJ. Susan Dorothy



JT. Erni Sufinah



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN SABAH



Dr. Tiong Ling Rong



JT. Masruroh



SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN LABUAN



Pn. Marliana

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN PERAK



Dr. Sutha



JT. Abidah

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN KELANTAN



Dr. Ridzuan



KJ. Nor Amalina



JT. Nurul Zaitulakmal

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN PAHANG



Dr. Kesavan



KJ. Nor Zarina



JT. Rahman

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN TERENGGANU



Dr. Luqman



KJ. Nasiahty



JT. Fara Azua

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN MELAKA



Dr. Mohd Fizal



KJ. Noraida



JT. Sariyah

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN NEGERI SEMBILAN



Dr. Merlinda



KJ. Rubiah



JT. Judith

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN SELANGOR



Dr. Prashanth



Dr. Sujenthiran



KJ. Rohaiza

SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN KUALA LUMPUR



Dr. Santhanamohan



KJ. Noradilah



JT. Jamilatullailah

LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

MELAKA SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
SARINGAN KESIHATAN PEKERJAAN SUSULAN DARIPADA PROGRAM NODiP - OAHMP30

Tarikh Mula : 21/07/2026
Tarikh Akhir : 23/07/2026

Tempat: HOSPITAL LAM WAH EE
Jumlah peserta : 300 Pekerja





RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program ini adalah dibawah program OSHMP30 - Program Saringan Penyakit Pekerjaan menggunakan kaedah NODIP telah berjaya dilaksanakan di 10 tempat kerja berisiko tinggi di sekitar negeri Melaka. Sesi saringan di lapangan ini telah dijayakan dengan tenaga kerja seramai 6 orang pegawai. Secara keseluruhannya, program ini melibatkan seramai 300 orang pekerja dari tempat kerja. Inisiatif proaktif ini penting bagi memantau dan mencegah risiko penyakit berkaitan pekerjaan, sekaligus memastikan kelestarian kesihatan serta keselamatan pekerja terjamin.





TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
LAWATAN JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (JKKP) DAN NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH), KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) KE VICTORY RECOVERY RESOURCES SDN BHD DAN MERIAHTEK (M) SDN BHD

Tarikh Mula : 27/01/2026
Tarikh Akhir : 27/01/2026
Masa : 11.00PAGI - 1.00PETANG

Tempat: VICTORY RECOVERY RESOURCES SDN BHD DAN MERIAHTEK (M) SDN BHD
Jumlah peserta : 8 (5 NIH/ 3 JKKP MELAKA)





RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Lawatan ini bertujuan untuk melihat dan memahami aktiviti kerja serta pematuhan kepada perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Disamping itu , lawatan ini juga diharap dapat:

i) menilai risiko kesihatan dikalangan pekerja yang terdedah kepada logam dan sebatian organik di kawasan tempat kerja.
ii) membantu pihak NIH untuk mendapatkan idea dan cadangan bagi menambah baik kajian yang dijalankan oleh pihak NIH.





LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

MELAKA — SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
WORKPLACE OCCUPATIONAL HEALTHH COMPLIANCE ASSESSMENT (W0HCA) 2026

TARIKH MULA : 05/01/2026

TARIKH AKHIR : 30/06/2026
MASA : JANUARI- JUN 2026

TEMPAT : TEMPAT KERJA BERISIKO TINGGI
JUMLAH PESERTA : 20 TEMPAT KERJA

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program WOHCA26 direka untuk menilai tahap pematuhan majikan terhadap perundangan kesihatan pekerjaan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP). Program ini bermatlamat untuk memastikan tempat kerja bukan sahaja selamat, malah sihat untuk pekerja melalui audit menyeluruh dan pengiktirafan kecemerlangan.
10 tempat kerja berdasarkan Pelaporan JKKP 7
10 Tempat kerja dari OPS SE7EN 2025
Audit dijalankan selama 6 bulan dari Jan sehingga Jun 2026.

Hasil Audit:
Peningkatan punitif (surat arahan/NOI/IP)
Peningkatan pematuhan KKP khususnya berkaitan kesihatan

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
OPERASI WOHCA (WORKPLACE OH - COMPLIANCE 2026)

TARIKH MULA : 01/01/2026
TARIKH AKHIR : 31/07/2026
MASA : 8.00 PAGI - 5.00 PTG

TEMPAT : MELAKA
JUMLAH PESERTA : 10 TEMPAT KERJA BERDASARKAN PELAPORAN JKKP 7
10 TEMPAT KERJA DARI OPS SE7EN 2025

RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
Program WOHCA26 direka untuk menilai tahap pematuhan majikan terhadap perundangan kesihatan pekerjaan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP). Program ini bermatlamat untuk memastikan tempat kerja bukan sahaja selamat, malah sihat untuk pekerja melalui audit menyeluruh dan pengiktirafan kecemerlangan.
Audit dijalankan selama 6 bulan dari Jan sehingga Jun 2026.
Hasil Audit:
Peningkatan punitif (surat arahan/NOI/IP)
Peningkatan pematuhan KKP khususnya berkaitan kesihatan pekerjaan










LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

NEGERI SEMBILAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
PENUTUP OSH WEEK 2026
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN "BERSAMA MEMASTIKAN PERSEKITARAN PSIKOSOSIAL KERJA YANG SIHAT"

TARIKH MULA : 22/07/2026
TARIKH AKHIR : 22/07/2026
MASA : 8 PAGI HINGGA 1 TENGAH HARI

TEMPAT : ALSON KLANA RESORT
JUMLAH PESERTA : 55 ORANG (PELBAGAI SEKTOR)



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
PROGRAM INI BERTUJUAN MEMBERI PENDEDAHAN PELBAGAI ISU BERKAITAN PENGURUSAN RISIKO PSIKOSOSIAL, KESEJAHTERAAN MENTAL DI TEMPAT KERJA SERTA PERANAN SEMUA PIHAK DALAM MEWUJUDKAN BUDAYA KERJA LEBIH SELAMAT, SIHAT DAN KONDUSIF.

PENCERAMAH JEMPUTAN DR SANTHANAMOHAN A/L NAGESPERAM DARI JKKP KL







LAPORAN *AKTIVITI KHAS*

BERKAITAN SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

PAHANG SEKSYEN KESIHATAN PEKERJAAN

TAJUK PROGRAM/AKTIVITI :
MINI KARNIVAL DAN SEMINAR KESIHATAN PEKERJAAN PERINGKAT ZON PANTAI TIMUR TAHUN 2025

TARIKH MULA : 15/10/2025
TARIKH AKHIR : 16/10/2025

TEMPAT : HOTEL COPTHORNE, CAMERON HIGHLANDS
JUMLAH PESERTA : 250 PESERTA



RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI :
PIHAK JKKP PAHANG TELAH MENGADAKAN DUA AKTIVITI PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN
IAITU :

1. Pameran Kesihatan Pekerjaan melibatkan penyertaan agensi berkaitan dan pihak industri bagi mempamerkan produk, teknologi dan perkhidmatan berkaitan kesihatan pekerjaan.

2. Seminar Pematuhan Perundangan Kesihatan Pekerjaan yang akan membentangkan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, isu-isu semasa, dasar dan garis panduan terkini berkaitan kesihatan pekerjaan









OBJEKTIF :
1. Untuk meningkatkan Kesedaran berkaitan dengan aspek- aspek perundangan
Kesihatan Pekerjaan di kalangan pemain industri dan pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

